

ANGKA GILIRAN: _____

SOALAN TERTUTUP



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JRW 445 – PENYELIDIKAN PEMASARAN

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT BELAS (14)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan di ruangan yang disediakan.

Keseluruhan soalan diperuntukkan 100 markah.


SOALAN 1 (5 markah)

Kenal pasti dengan menulis pemboleh ubah yang sesuai dalam setiap kotak pada Rajah 1. Setiap pemboleh ubah boleh digunakan lebih dari sekali.


Senarai pembolehubah: Pemboleh ubah Bersandar, Pemboleh ubah Bebas,

Pemboleh ubah Pencelah (Mediator), Pemboleh ubah Penyederhana (Moderator)

Rajah 1

**SOALAN 2 (10 markah)**

Rajah 2



Berdasarkan Rajah 2, berikan penerangan dan contoh **DUA (2)** hipotesis seperti berikut:

- (a) (i) Terangkan maksud hipotesis tak terarah

(ii) Contoh hipotesis tak terarah

(b) (i) Terangkan maksud hipotesis terarah

(ii) Contoh hipotesis terarah

SOALAN 3 (25 markah)

Senaraikan **EMPAT (4)** jenis persampelan kebarangkalian (*probability sampling*) berserta definisi dan contoh.

(a) Pensampelan _____

Definisi: _____

Contoh: _____

(b) Pensampelan _____

Definisi: _____

Contoh: _____

(c) Pensampelan _____

Definisi: _____

Contoh: _____

(d) Pensampelan _____

Definisi: _____

Contoh: _____

SOALAN 4 (20 markah)

Senaraikan **EMPAT (4)** jenis skala pengukuran berserta definisi dan contoh.

(a) Skala _____

Definisi: _____

Contoh: _____

(b) Skala _____

Definisi: _____

Contoh: _____

(c) Skala _____

Definisi: _____

Contoh: _____

(d) Skala _____

Definisi: _____

Contoh: _____

SOALAN 5 (40 markah)

Samsung kuasai semula pasaran telefon pintar

12 APRIL 2017

<http://www.sinarharian.com.my/ultras/liga-malaysia/samsung-kuasai-semula-pasaran-telefon-pintar-1.658323>

SAMSUNG Electronics Co. kuasai semula pasaran telefon pintar dengan muncul sebagai pengeluar utama global pada suku pertama tahun ini, walaupun sebelum model terbaharunya Galaxy S8 dipasarkan, lapor agensi berita Korea Selatan Yonhap.

Menurut data dikumpulkan TrendForce, Samsung menghasilkan 80.1 juta unit telefon pintar dalam tempoh Januari hingga Mac merangkumi 26.1 peratus daripada pasaran global.

Apple Inc. Amerika Syarikat berada di tempat kedua dengan 16.9 peratus.

Angka terkini itu menunjukkan perubahan berbanding sebelum ini, bagi tempoh Oktober hingga Disember 2016, Apple menyumbang 20.3 peratus pasaran telefon pintar di dunia untuk berada di kedudukan pertama.

Meskipun Samsung dilanda masalah dengan penggantungan model Galaxy Note 7 namun syarikat itu berjaya menguasai pasaran mencecah 18.5 peratus pada suku keempat tahun lepas.

Syarikat itu terpaksa menggantung pengeluaran telefon pintar model berkenaan tahun lepas akibat beberapa insiden Note 7 meletup semasa dicas.

Pemerhati industri berkata, penguasaan pasaran lebih baik oleh Samsung mempunyai kaitan dengan pengembangan jualan telefon pintar bajet.

Pada suku pertama tahun ini, pengeluaran telefon pintar dunia mencecah 37 juta unit menurun 23 peratus berbanding tempoh tiga bulan sebelum ini.

TrendForce menyifatkan penurunan itu susulan pengeluaran yang agak suram oleh syarikat pengeluar telefon pintar China.

Penyelidik berpendapat permintaan telefon pintar dijangka kekal lembap pada suku kedua memandangkan ramai pengguna menunggu keluaran iPhone yang terbaru pada suku ketiga.

Tempahan awal telefon pintar Galaxy S8 melepassi 600,000 unit hanya dalam lima hari sekaligus menandakan besar kepada syarikat itu.

Galaxy S8 mempunyai resolusi tinggi dan dilengkapi pelbagai teknologi inovatif serta program bantuan suara pintar bernama Bixby. - Bernama

Syarikat Apple ketinggalan dalam penguasaan pasaran telefon pintar jika dibandingkan dengan Syarikat Samsung. Penguasaan pasaran telefon pintar Apple telah mengalami penurunan dari 20.3 peratus kepada 16.9 peratus. Untuk memulihkan keadaan, Syarikat Apple telah melantik anda sebagai perunding untuk menjalankan penyelidikan pemasaran. Terangkan proses penyelidikan pemasaran yang anda jalankan berdasarkan senario di atas.

Langkah 1 dalam proses penyelidikan pemasaran telah diterangkan, anda perlu menyambung penerangan untuk langkah 2 hingga langkah 11.

Langkah 1: Menentukan keperluan penyelidikan pemasaran dijalankan

Penerangan: Pada langkah 1 saya sebagai perunding yang dilantik oleh Syarikat Apple perlu menentukan adakah perlu dijalankan penyelidikan pemasaran untuk menyelesaikan isu tersebut. Hal ini penting kerana proses penyelidikan pemasaran melibatkan masa dan kos yang tinggi. Berdasarkan situasi yang diberikan, penyelidikan pemasaran wajar dijalankan untuk menyelesaikan isu yang dihadapi oleh Syarikat Apple.

Langkah 2: _____

Penerangan: _____

ANGKA GILIRAN: _____

[JRW 445]

- 10 -

Langkah 3: _____

Penerangan: _____

Langkah 4: _____

Penerangan: _____

ANGKA GILIRAN: _____

[JRW 445]

- 11 -

Langkah 5: _____

Penerangan: _____

Langkah 6: _____

Penerangan: _____

ANGKA GILIRAN: _____

[JRW 445]

- 12 -

Langkah 7: _____

Penerangan: _____

Langkah 8: _____

Penerangan: _____

ANGKA GILIRAN: _____

[JRW 445]

- 13 -

Langkah 9: _____

Penerangan: _____

Langkah 10: _____

Penerangan: _____

ANGKA GILIRAN: _____

[JRW 445]

- 14 -

Langkah 11: _____

Penerangan: _____

- oooOooo -